

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 11 SEPTEMBER 2013 (RABU)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	500,000 saintis, penyelidik, jurutera diperlukan 2020	Utusan Malaysia
2.	MDeC, MYNIC di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia	Utusan Malaysia
3.	KKMM ambil alih MDeC. MYNIC daripada MOSTI	Bernamea.com
4.	UMP pantau aktiviti Lynas	Berita Harian
5.	UMP jalin kerjasama dengan AELB pantau data AMS dari kilang Lynas	Bernamea.com
6.	UMP to keep tabs on Lynas	The Star
7.	DBKL tubuh pasukan pantau kontraktor	Bernamea.com

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 23**  
**TARIKH : 11 SEPTEMBER 2013 (RABU)**

## 500,000 saintis, penyelidik, jurutera diperlukan 2020

KUALA LUMPUR 10 Sept. - Malaysia memerlukan kira-kira 500,000 saintis, penyelidik dan jurutera bagi memacu negara mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Ewon Ebin berkata, tenaga kerja dalam bidang sains dan teknologi amat diperlukan ekoran pembangunan sosial dan ekonomi yang pesat di Malaysia.

Menurutnya, berdasarkan laporan modal insan dalam bidang sains dan teknologi yang dikendalikan oleh Kementerian, dianggarkan 500,000 tenaga kerja dalam bidang tersebut diperlukan bagi memastikan negara mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

“Antara aspek penting dalam perkara ini adalah mempunyai bilangan saintis, penyelidik dan jurutera yang mencukupi.

“Malah kesedaran tentang sains dan teknologi adalah penting bagi kemajuan dan kemakmuran negara. Oleh itu, penglibatan rakyat Malaysia dalam bidang itu perlu ditingkatkan bagi memenuhi objektif tersebut,” katanya.

Beliau berucap dalam Program Hari Pendidikan Aeroangkasa Malaysia

di Pusat Sains Negara di sini hari ini.

Lebih 200 pelajar dari beberapa sekolah menengah di sekitar Lembah Klang hadir dalam program yang berlangsung selama sehari itu.

Program anjuran Kementerian, Pusat Sains Negara dan syarikat aeroangkasa terbesar di Amerika Syarikat (AS), Boeing tersebut bertujuan memberi pendedahan tentang kepentingan aeroangkasa serta usaha untuk menarik minat pelajar supaya berkecimpung dalam bidang itu pada masa hadapan.

Hadir sama Pengarah Pusat Sains Negara, Prof. Dr. Irmawati Ramli; Presiden Boeing Asia Tenggara, Ralph Boyce; Naib Presiden F/A-18 & EA-18 Programs, Mike Gibbons dan wakil kedutaan Amerika Syarikat, Lee McClenny.

Menurutnya, selaras dengan perkara itu, kerajaan telah mengambil inisiatif memperkenalkan pelbagai pendekatan bagi menggalakkan lebih ramai pelajar sekolah mendalami bidang sains dan teknologi.

“Pelan Pembangunan Pendidikan terbaharu juga direka untuk memupuk dan meningkatkan minat pelajar menceburi sektor yang memerlukan modal insan yang banyak ini,” katanya.



**EWON Ebin (duduk) mencuba simulator pesawat sambil diperhatikan Mike Gibbons (kiri) dan Ralph Boyce (kanan) dalam Majlis Perasmian Program Hari Pendidikan Aeroangkasa Malaysia di Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur, semalam.**

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 14**  
**TARIKH : 11 SEPTEMBER 2013 (RABU)**

## **MDeC, MYNIC di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia**

CYBERJAYA 10 Sept. - Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) dan MYNIC Berhad secara rasminya diserahkan kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia bagi menyelaraskan segala urusan berkaitan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT).

Menterinya, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, penstrukturan semula kementerian itu selepas Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) lalu amat bertepatan dalam penyusunan semula peranan dan fungsi agensi-agensi yang berkaitan ICT di bawah satu bumbung.

Beliau berkata, langkah Kemen-



**AHMAD SHABERY**

terian Sains, Teknologi dan Inovasi menyerahkan MDeC dan MYNIC Berhad adalah satu langkah tepat kerana dapat memastikan fungsi dan kuasa yang termaktub dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 diletakkan di bawah seorang menteri sahaja.

“Langkah ini juga diyakini dapat memastikan pembangunan industri ICT yang kini meliputi percantuman teknologi telekomunikasi, teknologi maklumat, penyiaran dan internet dapat dirancang serta dilaksanakan dengan lebih tersusun demi mencapai dasar objektif negara,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam

sidang akhbar selepas Majlis Penyerahan MDeC, MYNIC Berhad dan Fungsi Pengubalan, Pelaksanaan dan Pemantauan Dasar ICT Negara daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia di sini hari ini.

Yang hadir sama Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Jailani Johari, Pengerusi MDeC, Tan Sri Abd. Halim Ali dan Pengerusi MYNIC Berhad, Datuk Bridget Lai.

Menurut Ahmad Shabery, kementeriannya akan memastikan MDeC dan MYNIC Berhad terus memberi sumbangan besar kepada pembangunan ekonomi negara se-

perti mana semasa dua agensi tersebut berada di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

“Saya akan pastikan beberapa aspek diperkasakan untuk memastikan MDeC dan MYNIC Berhad terus menjadi pemacu kepada kemajuan Malaysia, antaranya dengan mempertingkatkan lagi infrastruktur ICT negara dan memberi fokus kepada pembangunan jalur lebar.

“Penstrukturan semula MDeC dan MYNIC Berhad yang diletakkan di bawah kementerian saya ini diyakini dapat menyeragamkan semula bidang ICT selain dapat memastikan bidang berkenaan terus berkembang pesat,” katanya.

Sementara itu katanya, mengikut segi pembangunan kandungan dan

multimedia pula, penyelarasan agensi-agensi dapat memastikan geran-geran pembangunan kandungan seperti filem animasi dan sebagainya yang disediakan MDeC lebih tersusun.

Dalam pada itu, Ewon berkata, penstrukturan semula itu diyakini dapat memantapkan lagi pembangunan ekosistem ICT termasuk pembangunan industri, infrastruktur dan penggunaan ICT yang lebih menyeluruh oleh rakyat dan komuniti perniagaan.

“Penyelarasan ini juga dapat mengurangkan pertindihan fungsi di antara agensi dan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan dasar program pembangunan ICT negara melalui pendekatan bersepadu,” katanya.



## **KKMM Ambil Alih MDeC, MYNIC Daripada MOSTI**

CYBERJAYA, 10 Sept (Bernama) -- Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) mengambil alih Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) dan Pusat Rangkaian Maklumat Malaysia Berhad (MYNIC) bersama fungsi dan peranannya daripada **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)**.

Selain itu fungsi penggubalan, pelaksanaan dan pemantauan Dasar Teknologi ICT negara turut diserahkan kepada KKMM.

Menterinya Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata KKMM akan terus memperkasa dan mempertingkatkan sektor teknologi maklumat (ICT) negara menerusi 'anggota keluarga baharu' yang diamanahkan itu.

"Dua perkara yang kita perlu lihat dalam sektor ICT misalnya ialah dari segi infrastruktur supaya dapat dibangunkan secepat mungkin dan selepas itu kita bina lebuhraya maklumat.

"Kemudian kita lihat siapa yang nak lalu (lebuhraya) ini dan ini berkaitan industri 'content' yang juga industri besar kepada negara dan perlu dibangunkan secara terancang,' katanya pada sidang media selepas majlis penyerahan itu di sini Selasa.

MDeC diwujudkan bagi menjayakan pelaksanaan projek Koridor Raya Multimedia manakala MYNIC pula entiti tunggal yang mentadbir nama domain berakhir dengan .my di Malaysia.

Menurut kenyataan KKMM yang diedarkan pada majlis itu, penyelarasan dan penyatupaduan segala urusan berkaitan ICT di bawah satu kementerian diharap dapat memastikan fungsi dan kuasa yang selaras dengan peruntukan-peruntukan termaktub di bawah Menteri Komunikasi dan Multimedia dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Selain itu ia juga dapat menyelaraskan penggunaan geran-geran pembangunan kandungan misalnya filem animasi yang disediakan MDeC, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia serta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) secara optimum dan lebih tersusun.

Sementara itu **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin** dalam ucapannya berkata pengambilalihan dua agensi itu oleh KMM dipersetujui jemaah menteri pada mesyuarat 12 Julai lepas.

Beliau juga meluahkan keyakinan pengambilalihan itu akan memantapkan lagi pembangunan ekosistem ICT termasuk pembangunan industri, infrastruktur dan penggunaan ICT yang lebih menyeluruh dalam kalangan rakyat dan komuniti perniagaan.

**KERATAN AKHBAR**  
**BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 18**  
**TARIKH: 11 SEPTEMBER 2013 (RABU)**

## **UMP pantau aktiviti LYNAS**

**Kuantan:** Universiti Malaysia Pahang (UMP) diberi tanggungjawab oleh Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB) menjalankan penyelidikan terhadap data diperoleh daripada Aerosol Monitoring System (AMS) yang dipasang bagi memantau aktiviti kilang Lynas Malaysia Sdn Bhd (LYNAS) di Gebeng, dekat sini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, berkata

dua unit AMS bernilai RM1 juta setiap satu masing-masing dipasang di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) di sini dan di kilang LYNAS itu akan dipantau UMP yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan.

### **Kawal selia sinaran**

Beliau berkata, data yang diperoleh UMP itu akan dianalisis bagi mendapat keputusan yang akan digunakan bersama pihak AELB bagi tujuan kawal

seliaan sinaran.

“AELB yakin UMP mampu memainkan peranan penting dalam memastikan data yang diperoleh itu bebas kerana institusi pengajian tinggi awam (IPTA),” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di antara UMP dan AELB di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sultan Ahmad Shah (SASICC) di sini, semalam.



## UMP Jalin Kerjasama Dengan AELB Pantau Data AMS Dari Kilang Lynas

KUANTAN, 10 Sept (Bernama) -- Universiti Malaysia Pahang (UMP) kini diberi peranan menjalankan penyelidikan terhadap data yang akan diperoleh melalui Aerosol Monitoring System (AMS) yang dipasang di daerah ini bagi memantau aktiviti kilang nadir bumi, Lynas Malaysia Sdn Bhd (Lynas).

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah** berkata dua unit AMS itu kini diletakkan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan.

"Pihak AELB melihat UMP berupaya memainkan peranan penting dalam memastikan data yang diperoleh daripada AMS ini bebas untuk digunakan.

"Selain itu, data yang diperoleh akan dianalisis dan keputusannya akan digunakan bersama pihak **Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB)** bagi tujuan kawal seliaan sinaran," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara UMP dan AELB di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sultan Ahmad Shah (SASICC) di sini Isnin.

Yang turut hadir, Pengerusi AELB Prof Datuk Dr Sukiman Sarmani; **Ketua Pengarah AELB Datuk Raja Abdul Aziz Raja Adnan** dan Naib Canselor UMP Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

Dr Abu Bakar berkata MoU itu akan memantapkan serta meningkatkan kepercayaan awam terhadap data yang diperoleh AMS yang memantau tahap sinaran persekitaran aktiviti syarikat Lynas.

Sementara itu, Raja Abdul Aziz berkata menerusi kerjasama ini, pihak AELB mampu meningkatkan kompetensi pegawai-pegawai dengan menghantar mereka untuk mengikuti program sarjana dan doktor falsafah di UMP.

"Kerjasama antara AELB dan UMP ini tidak terhad kepada pertukaran maklumat teknikal dalam isu Lynas sahaja tetapi juga boleh dikembangkan melalui bidang lain seperti keselamatan penggunaan teknologi sinaran di Malaysia.

"Saya harapkan melalui MoU ini AELB dan UMP dapat bersama-sama membuat kajian dan penyelidikan dalam peningkatan prestasi kawal seliaan keselamatan sinaran di Malaysia," katanya.

Dr Daing Nasir pula berkata melalui MoU itu mahasiswa dan staf UMP dipersetujui akan mengadakan penyelidikan dari semasa ke semasa serta melaksanakan program kesedaran awam dalam bidang keselamatan sinaran.

## UMP to keep tabs on Lynas

Varsity experts to monitor and analyse radiation level from plant

By **ONG HAN SEAN**

hansean@thestar.com.my

**KUANTAN:** Universiti Malaysia Pahang (UMP) has been picked to monitor and analyse the radiation level from the Lynas Advanced Materials Plant in Gebeng.

Deputy Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah said the cooperation would enable UMP experts to analyse the radiation data from the rare earth plant, which would then be used for safety monitoring.

"We do not want the presence of the Lynas plant to be thought of as a dangerous thing. That is why I

always say we should not politicise this issue as we are backed by professionals who are doing their best to monitor the plant.

"The problem is that it has been politicised to the point that the people are doubting the abilities of our experts even though they have given complete information that shows the plant is not dangerous and can create many downstream industries, job opportunities and economic growth in the east coast," he said after witnessing the signing of the memorandum of understanding between the Atomic Energy Licensing Board (AELB) and the Lynas plant on Monday evening.

Dr Abu Bakar said UMP, as an independent body, could give real data that would dispel doubts.

"If the ministry does it, critics will say we are biased. If we get the private sector to do it, they may claim we paid them off.

"So, we are using local professionals where we will provide the equipment and they will analyse," he said.

The MoU was signed by AELB director-general Raja Datuk Abdul Aziz Raja Adnan, AELB chairman Prof Datuk Dr Sukiman Sarmani, UMP vice-chancellor Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim and UMP deputy vice-chancellor (academic and

international) Prof Datuk Dr Badhrulhisham Abdul Aziz.

Dr Abu Bakar also reiterated the Government's stand that the waste materials from the rare earth processing at the plant must be shipped out of the country.

"The plans for Lynas' permanent disposal facility (PDF) must be there according to international law but it does not mean the waste will be stored there.

"The PDF is not used but it must be there as a contingency plan because who knows if it goes bankrupt or closes shop, we can store the waste there temporarily before taking it out of the country," he explained.



## DBKL Tubuh 54 Pasukan Pantau Kontraktor

KUALA LUMPUR, 10 Sept (Bernama) -- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menubuhkan 54 pasukan pemantau untuk memastikan kontraktor pembinaan yang dilantik memenuhi syarat yang ditetapkan bagi pembinaan kemudahan lebih tahan lasak dan berkualiti di sekitar ibu kota.

Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Ahmad Phesal Talib berkata pasukan pemantau itu juga bertanggungjawab mendapatkan maklum balas daripada orang ramai dan bertindak terhadap kontraktor yang tidak mengikut piawaian termasuk dihalang daripada menerima tender pembinaan di masa depan.

"Banyak kemudahan di ibu kota tidak memenuhi standard yang dihasratkan dari segi ketahanan, material dan reka bentuk.

"Sudah sampai masanya kita buat penekanan bersungguh-sungguh dalam memastikan kemudahan yang dibina tahan lasak dan berkualiti kerana masyarakat amat prihatin tentang kualiti kemudahan yang digunakan mereka," katanya kepada media selepas merasmikan Jambatan Jalan Api-api, Kepong Baru di sini Selasa.

Ahmad Phesal berkata pihaknya juga telah mendapat persetujuan badan-badan seperti Kumpulan Ikram Sdn Bhd, **SIRIM** dan Jabatan Perhutanan untuk membantu pasukan pemantau itu.

Sementara itu, beliau berkata projek jambatan dan menaik taraf infrastruktur berkaitan melibatkan peruntukan RM1.57 juta itu siap dalam masa empat bulan bermula April.

Menghubungkan Jalan Api-api 1, Taman Kepong Baru dengan Jalan 5/32A, Taman Pusat Kepong, jambatan itu memanfaatkan lebih 5,000 penduduk sekitar selain memendekkan perjalanan sejauh dua kilometer.

-- BERNAMA